



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATO' IBRAHIM ALI  
MANTAN AHLI PARLIMEN PASIR MAS  
MERANGKAP PRESIDEN PERKASA**

**OLEH:**

**NAZIELLA CHE MUHAMAD      2012596243  
NOR AZLINAH BINTI MISBAH    2012576369**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DATO' IBRAHIM ALI  
MANTAN AHLI PARLIMEN PASIR MAS  
MERANGKAP PRESIDEN PERKASA**

**OLEH:**

**NAZIELLA CHE MUHAMAD      2012596243  
NOR AZLINAH BINTI MISBAH    2012576369**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamuailaikum w.b.t syukur kami ke hadrat illahi kerana dengan limpahnya dapat kami sempurnakan tugas yang telah diberikan ini dengan jayanya setelah melalui pelbagai halangan dan cabaran bagi menyiapkan tugas ini bagi subjek Pendongkumentasian Sejarah Lisan IMR 604.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dato' Ibrahim Ali iaitu Presiden Perkasa kerana beliau sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang temuramah ini berlangsung di pejabat beliau di Kuala Lumpur.

Tidak lupa juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah bt Chik kerana sabar dan sudi memberikan tunjuk ajar serta panduan yang berguna kepada kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Disamping itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan bagi menyempurnakan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

NAZIELLA CHE MUHAMAD      2012596243

NOR AZLINAH BT MISBAH      2012576369

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara kami dengan Dato' Ibrahim Ali iaitu Mantan ahli parlimen Pasir mas yang kini merangkap presiden Perkasa. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di pejabat gagasan pribumi Perkasa Kuala Lumpur. Sesi wawancara bersama Dato' Ibrahim Ali ini telah dijalankan pada hari rabu, 16 April 2014 pada pukul 12.28 tengahari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Dato' Ibrahim Ali dan pengalaman beliau yang diperolehi semasa menjadi ahli parlimen. Selain itu juga, pelbagai pengalaman yang diperolehi beliau ketika melibatkan diri dalam dunia politik. Ketika temuramah ini berlangsung, kami dapat mengetahui serba sedikit tentang perkembangan politik dan juga gagasan Perkasa dari masa ke semasa. Disamping itu juga temuramah ini dapat memberi sedikit sebanyak gambaran tentang perjuangan beliau untuk memperjuangkan pribumi terutamanya membela hak rakyat melayu dari di tindas oleh orang luar.*

**Kata kunci:** *Dato' Ibrahim Ali, Pribumi Perkasa, Politik, Ahli parlimen,*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	xiii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-5
Bahagian 2:Pendidikan.....	7-14
Bahagian 3: Kerjaya.....	15-39
Bahagian 4:Penyelidikan Dan Penerbitan.....	40-47
Rujukan.....	48
Lampiran	
Log Wawancara.....	49-53
Senarai soalan.....	54-60
Surat Perjanjian.....	61
Gambar.....	62-76
Sijil penghargaan.....	67-70
Indeks.....	77-78



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



**Gambar 1: Dato' Ibrahim Ali**

Dato' Ibrahim Ali adalah seorang ahli politik Melayu Malaysia, berasal dari jajahan Pasir Mas, Kelantan. Beliau terkenal sebagai pengasas dan presiden pertubuhan hak Melayu Perkasa. Dato' Ibrahim Ali dilahirkan pada 25 Jan 1951 di Kampung Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan. Beliau anak kelima dan anak tertua dari 13 anak. Bapanya ketua kampung di situ. Ada ramai keturunan Siam di sekitar kampungnya. Menurut sejarah, Pattani, Songkhla, dan Narathiwat dimiliki oleh kerajaan Kelantan sebelum diberikan kepada Thailand selepas perang. Dato' Ibrahim Ali belajar di Sekolah Kebangsaan Padang Mandul, kemudian di Sekolah Kebangsaan Pasir Pekan. Kemudian belajar di sebuah sekolah dasar bahasa Inggeris di Tanah Merah, Kelantan. Seterusnya belajar di Sekolah Kebangsaan Islah dan tinggal dengan bapa saudaranya. Seterusnya belajar tingkatan enam di sekolah swasta, Maktab Adabi. Ketika belajar di UiTM, beliau mengambil kursus sarjana muda komunikasi massa. Beliau merupakan pemimpin pelajar UiTM dan pernah beberapa kali menyertai demonstrasi pada tahun 1974.

Beliau adalah presiden Persatuan Mahasiswa Muslim Kelantan. Selain itu menjadi setiausaha agung Kesatuan Pelajar ITM dan menentang Akta Universiti dan Kolej 1971. Beliau menyertai parti UMNO dan pernah memenangi parlimen Pasir Mas, Kelantan atas tiket Barisan Nasional - UMNO. Beliau pernah menjadi Exco Pemuda UMNO sekitar tahun 1987. Kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sewaktu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Beliau juga telah menubuhkan gagasan Perkasa untuk memperjuangkan hak pribumi Malaysia. Secara ringkas tujuan penubuhan Perkasa ialah untuk menyediakan landasan bagi kaum pribumi untuk menegakkan hak-hak mereka tanpa mengira fahaman politik. Perkasa akan bertindak sebagai badan berkecuali untuk menangani isu-isu semasa yang membabitkan pribumi contohnya seperti soal kontrak sosial, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan lain-lain. Sepanjang beliau terlibat dalam dunia politik, beliau pernah menerbitkan beberapa buah buku antaranya Pertemuan dengan pemimpin revolusi Islam Iran ,Eddie Colour; 1980, Dilema Neraca Retak, Gerakan Sulit Mengancam Dari Luar Dan Dalam serta lain-lain lagi. Perjuangan beliau tidak pernah terhenti walaupun didatangi dengan pelbagai cabaran dari segenap sudut namun Dato' Ibrahim Ali tetap berdiri memperjuangkan serta membela hak pribumi melayu.

## SEJARAH PERKASA



**Gambar 2: Logo Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa)**

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang ditubuhkan dengan hasrat mempertahankan hak-hak orang Melayu dan bumiputera di dalam Perlembagaan terus dipandang serong. Secara ringkas tujuan penubuhan Perkasa ialah untuk menyediakan landasan bagi kaum pribumi untuk menegakkan hak-hak mereka tanpa mengira fahaman politik. Perkasa akan bertindak sebagai badan berkecuali untuk menangani isu-isu semasa yang membabitkan pribumi contohnya seperti soal kontrak sosial, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan lain-lain

Selain daripada Sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, sejarah Melayu baru belum sempat merasai nikmat kebangitan tamadunnya yang panjang semenjak mencapai kemerdekaan. Gagasan penjajahan yang memaksa bangsa itu menerima hakikat kompromi sosio-ekonomi-politik, kini mulai merasakan kesan hubungan yang akan menjadi corak kestabilan Malaysia.

Pribumi berkeyakinan “kompromi paksaan” itu tidak wajar meleburkan hak dan identiti bangsa teras sebagai pra-syarat muafakat bangsa Malaysia baru. Corak perubahan kuasa pribumi akibat persaingan sengit politik yang mengatasi semangat permusyawaratan, merungkai kekuatan teras bangsa ini sehingga bakal menjadi serpihan-serpihan pribumi yang lemah dan hilang kuasa tawar menawar. Fenomena penjajahan bentuk baru datang pula menyergah dengan memaksakan liberalisasi

dan globalisasi disaat belum pun sempat bangsa pribumi ini memperkukuhkan sendi-sendi Agama, ekonomi, budaya, nilai dan jatidirinya. Kewujudan talibarut penjajah baru di kalangan pribumi sendirilah yang mempengaruhi pemikiran generasi baru Melayu kearah pemikiran global dan universal sehingga hilang “rasa bangsa” dan “rasa agama” serta beradat budaya sendiri. Kaum-kaum pendatang kemudiannya, yang memiliki akar-umbi kuat dari tamadun negara asalnya, dalam kebebasan dan kepelbagaian Malaysia, terus rakus memastikan penaklukan ekonomi dan seterusnya mencabar kuasa politik pribumi yang menjadi satu-satunya tunggak kestabilan Negara. Tidak banyak Negara didunia yang memiliki komposisi kaum yang unik seperti Malaysia dapat kekal lama mengharungi konflik dan percaturan hubungan kaum majoriti terhadap minoriti. Hanya dengan pemahaman dan penerimaan terhadap sejarah perjuangan bangsa, tolenransi dan muafakat kaum pribumi serta penghormatan perjanjian social oleh kaum-kaum lainnya barulah usaha membangunkan bangsa Malaysia mengikut acuan yang tersendiri akan berjaya.

Diatas kesedaran inilah Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia yang didaftarkan oleh pendaftar pertubuhan pada 12hb September, 2008, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bertekad untuk menyedarkan kealpaan bangsa terhadap hak dan tanggungjawab mereka dari kemunduran yang berselimutkan kemajuan. PERKASA bertanggungjawab bagi melindungi hak-hak ini untuk diwariskan kepada generasi pribumi khususnya dan Malaysia umumnya supaya hidup aman dan kekal sepanjang zaman. Hak-hak bangsa pribumi yang dilindungi perlembagaan hanyalah dapat kekal selama “angka” kerusi TERAS politik pribumi dapat terus bertahan dalam jumlah yang

## **TUJUAN PENUBUHAN PERKARA (FASAL 4)**

- 2.1 Memperkasakan Islam Sebagai Agama Persekutuan
- 2.2 Memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- 2.3 Memperkasakan Kedaulatan Raja-Raja Melayu
- 2.4 Mempertahankan hak-hak keistimewaan Orang Melayu
- 2.5 Memperkasakan kaum Pribumi
- 2.6 Menyatupadukan kaum Pribumi dan perpaduan rakyat Malaysia
- 2.7 Mempertahankan kedaulatan Negara

## **AHLI JAWATAN PERKASA**

Presiden	Dato' Ibrahim Ali
Timbalan Presiden	Dato' Fuad Hassan
Naib Presiden (1)	Datuk Ruhainie Ahmad
Naib Presiden (2)	Datuk Hj. Shuaib Hj. Lazim
Naib Presiden (3)	Dato' Mokhtar Samad
Setiausaha Agung	Syed Hassan Syed Ali
Bendahari	Datuk Abd. Rahman A. Bakar
Ketua Penerangan	Datuk Ruhainie Ahmad
Ahli Jawatankuasa	Salahuddin Hisahm

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Temubual ini adalah di antara penulis dengan Dato' Ibrahim Ali iaitu Presiden Perkasa. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di pejabat Gagasan Pribumi Perkasa Kuala Lumpur Sesi wawancara bersama Dato' Ibrahim Ali ini telah dijalankan pada hari rabu, 16 April 2014 pada pukul 12.28 tengahari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Dato' Ibrahim Ali dan pengalaman beliau yang diperolehi semasa menjadi ahli parlimen. Selain itu juga, pelbagai pengalaman yang diperolehi beliau ketika melibatkan diri dalam dunia politik.

Beliau adalah seorang ahli politik Melayu Malaysia, berasal dari jajahan Pasir Mas, Kelantan. Beliau terkenal sebagai pengasas dan presiden pertubuhan hak Melayu Perkasa. Dato' Ibrahim Ali dilahirkan pada 25 Jan 1951 di Kampung Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan. Beliau anak kelima dan anak tertua dari 13 anak. Bapanya ketua kampung di situ. Ada ramai keturunan Siam di sekitar kampungnya. Menurut sejarah, Pattani, Songkhla, dan Narathiwat dimiliki oleh kerajaan Kelantan sebelum diberikan kepada Thailand selepas perang. Ketika belajar di UITM, beliau mengambil kursus sarjana muda komunikasi massa. Beliau merupakan pemimpin pelajar UiTM dan pernah beberapa kali menyertai demonstrasi pada tahun 1974.

Beliau menyertai parti UMNO dan pernah memenangi parlimen Pasir Mas, Kelantan atas tiket Barisan Nasional - UMNO. Beliau pernah menjadi Exco Pemuda UMNO sekitar tahun 1987. Kemudian dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sewaktu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Temubual yang dijalankan selama satu jam lima minit telah memberi fokus pada penglibatan beliau dalam bidang politik, kejayaan serta cabaran yang beliau hadapi sepanjang miniti arus kariernya

Beliau juga telah menubuhkan gagasan Perkasa untuk memperjuangkan hak pribumi Malaysia. Secara ringkas tujuan penubuhan Perkasa ialah untuk menyediakan landasan bagi kaum pribumi untuk menegakkan hak-hak mereka tanpa mengira fahaman politik. Perkasa akan bertindak sebagai badan berkecuali untuk menangani isu-isu semasa yang membabitkan pribumi contohnya seperti soal kontrak sosial, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan lain-



lain. Sepanjang beliau terlibat dalam dunia politik, beliau pernah menerbitkan beberapa buah buku antaranya Pertemuan dengan pemimpin revolusi Islam Iran ,Eddie Colour; 1980, Dilema Neraca Retak, Gerakan Sulit Mengancam Dari Luar Dan Dalam serta lain-lain lagi. Perjuangan beliau tidak pernah terhenti walaupun didatangi dengan pelbagai cabran dari segenap sudut namun Dato' Ibrahim Ali tetap berdiri memperjuangkan serta membela hak pribumi melayu. Beliau sangat berkarisma dan gigih menegakkan hak perjuangan pribumi melayu.

## KAEDAH KAJIAN

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisan ini didapati dalam cara iaitu:

### a) Pengumpulan data

penulis mencuba sedaya upaya mengumpulkan data-data sebanyak mungkin yang dianggap perlu dan ada kaitan dengan kajian ini. Dalam hal ini, penulis juga mencari data-data dari perpustakaan dan orang-orang perseorangan yang boleh membantu penulis mendapat maklumat dan bahan-bahan untuk kajian tersebut. Bahan yang didapati termasuklah bahan seperti minit mesyuarat, laporan tahunan, buku-buku taklimat dan penerangan dan juga bahan-bahan yang tidak diterbitkan serta melampirkan gambar dalam jadual.

### b) Kajian Luar



**Gambar 3: Temuramah bersama Dato' Ibrahim Ali**

Penulis membuat kajian luar dengan dua iaitu melalui temu bual dan pemerhatian. Kaedah ini penting bagi penulis untuk mendapatkan keterangan yang mendalam tentang sesuatu fakta dan kenyataan tentang PERKASA.

c) IPOD NANO



**Gambar 4 : Ipod Nano**

Penulis menggunakan alatan seperti Ipod Nano untuk merakam suara tokoh iaitu Dato' Ibrahim Ali supaya suara beliau boleh didengar dengan jelas dan tepat bagi melancarkan lagi proses kajian penulis.

d) WEBCAM



**Gambar 5: Webcam**

Penulis juga menggunakan webcam untuk merakam sesi temubual. Tujuan menggunakan webcam ini adakah untuk menunjukkan suasana dan sekeliling pejabat semasa temubual dijalankan.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Dato' Ibrahim Ali iaitu Mantan ahli parlimen Pasir Mas yang kini merangkap presiden Perkasa. Wawancara ini dijalankan di pejabat beliau yang beralamat di pejabat Gagasan Pribumi Perkasa Kuala Lumpur Sesi wawancara bersama Dato' Ibrahim Ali ini telah dijalankan pada hari Rabu, 16 April 2014 pada pukul 12.28 tengahari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Dato' Ibrahim Ali dan pengalaman beliau yang diperolehi semasa menjadi ahli parlimen. Selain itu juga, pelbagai pengalaman yang diperolehi beliau ketika melibatkan diri dalam dunia politik. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DIA : DATO' IBRAHIM ALI  
NCM : NAZIELLA CHE MUAHAMAD

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NCM : Assalamuailaikum, pada jam *dua belas tiga puluh lapan* [12.38], *enam belas* April *dua ribu empat belas* [16. April. 2014] Bertempat di Pejabat Perkasa Kuala Lumpur. Saya Naziella Che Muhamad dan sahabat saya Nor Azlinah binti Misbah, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Sistem Maklumat dari Fakulti Pengurusan Maklumat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Cawangan Kelantan. Kami mewawancara mantan Ahli parlimen Pasir Mas yang kini merangkap Presiden Perkasa. Kami berbesar hati kerana Dato' sudi meluangkan masa untuk**

ditemuramah. Wawancara ini dijalankan bagi memenuhi keperluan tugas bagi subjek Pengdokumentasian Sejarah Lisan. Untuk permulaan, boleh *tak* [tidak] Dato' ceritakan sedikit latar belakang keluarga Dato'?

DIA : Latar belakang apa?

NCM : Latar belakang keluarga Dato', nama Dato'?

DIA : Nama saya Ibrahim Ali, tarikh lahir *dua puluh lima* bulan *satu* tahun *lima puluh satu* [25.1.1951]. Seramai adik beradik *tiga belas* [13] orang pada awalnya meninggal seorang sebelum saya lahir lagi, *so* [jadi] tinggal *dua belas* [12] lah. Saya anak yang ke *lima* [5] yang laki-laki pertama. Lahir di Pasir Pekan Tumpat Kelantan. Mula-mula saya belajar di Sekolah Rendah Padang Mandut Tumpat Kelantan. Darjah *satu* [1] kemudian saya tukar ke sekolah Inggeris, Sekolah English School Tanah Merah. Sehingga darjah *tiga* [3] kemudian saya tukar *mari* [datang] ke Sekolah Ismail Putra Kampung Sireh sehingga lah tingkatan *tiga* [3]. Tingkatan *tiga* [3] ke tingkatan *lima* [5] saya belajar di Sekolah Ismail Putra Kota Bharu *then* [kemudian] tingkatan *lima* [5] di Institut Pendidikan Kota Bharu sekolah swasta dan kemudian akhir sekali tingkatan *enam* [6] rendah dan *enam* [6] atas menetap di *ADABI* [Maktab Kadir Adabi]. Saya masuk *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] tahun *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972] dulu nama dia *ITM* [Institut Teknologi Mara] dalam bidang kursus *Mass Communication* [komunikasi massa]. *Okay* [baik lah] lagi?

NCM : Berapakah bilangan anak Dato'?

DIA : Anak saya *ni* [ini] *sorang* [seorang].

NCM : ***Sorang* [seorang]? Lelaki?**

DIA : Perempuan. Umur *dah* [sudah] *tiga puluh dua* [32].

NCM : **Nama penuh isteri Dato'?**

DIA : Royaha Binti Idrus.

NCM : **Dato' ada kawan baik *tak* [tidak] masa kecil dahulu?**

DIA : Kawan baik ramai lah, ramai kawan baiknya.

NCM : **Sekarang Isteri Dato' kerja ke?**

DIA : *Tak* [tidak], dia *tak* [tidak] kerja, dia *meniaga* [berniaga] sendiri, awal *dulu* [dahulu] dia kerja. Dia dulu *graduate* [graduasi] Institut Teknologi Malaysia ITK dalam bidang arkitektur *Diploma in Architecture* [Diploma Seni Bina]. So [jadi] dia bekerja beberapa tahun selepas dapat anak dia berhenti, dia *meniaga* sendiri buat *advertising* [pengiklanan] kemudian *dah* [sudah] penat berhenti, so [jadi] sekarang dia *ni* [ini] main *business* [pernigaan], bermain-main *kat* [dekat] rumah *jelah* [sahaja] macam *direct selling* [jualan langsung], suka-suka buat hilang *boring* [bosan].

NCM : **Jenis barangan apa dia jual?**

DIA : *All consumer product item* [Semua barangan produk pengguna] *tu* [itu] (Tunjuk

ke arah almari) dia punya lah *tu* [itu].

**NCM : AMWAY [syarikat perniagaan jualan langsung]?**

**DIA :** Dia sekarang *ni* [ini] peringkat platinum. Banyak kali *dah* [sudah] pergi *oversea* [luar Negara]. Bagus *she earned good money* [beliau meraih wang yang baik]. Dia produk dia banyak ada *few hundred product* [beberapa ratus produk] *tapi* [tetapi] dia *tumpu* [tumpuan] dalam produk vitamin, atistri, *and then* [dan kemudian] *house whole product* [produk kelengkapan rumah]. Saya bantu-bantu begitu *jelah* [sahaja], sikit-sikit *je* [sahaja], tolong-tolong angkat barang. *Tapi* [tetapi] dia minat lah dia seronok benda *ni* [ini].

**NCM : So [jadi] sekarang menetap di Kuala Lumpur ke?**

**DIA :** Saya menetap di Kuala Lumpur. Isteri saya orang Kuala Lumpur, orang Selangor dia orang Gombak saya orang Kelantan. Saya lepas Belajar di *ITM* [Institut Teknologi Mara] *dulu* [dahulu] tidak pernah duduk Kelantan saya duduk *KL* [Kuala Lumpur]. Saya duduk di Taman Melawati, saya berulang-alik seminggu sekali sahaja.

**NCM : Tahun berapa Dato' mendirikan rumah tangga?**

**DIA :** *Sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978], isteri *sorang* [seorang] *jelah* [sahaja].

**NCM : Nama penuh bapa Dato'?**

**DIA :** Ali Bin Mohamad, *dah* [sudah] meninggal dunia tahun *lapan puluh lima* [85].



**NCM : Nama penuh ibu Dato'?**

**DIA :** Cik Siti Binti Saleh, masih ada lagi umur *dah* [sudah] 100- - - lebih dari *seratus* [100] *dah* [sudah] *kot* [tabiat bercakap].

**NCM : (Ketawa)**

**DIA :** Ya betul, dekat *hundred and two* [seratus dua], *seratus dua* [102] sekarang ini.

**NCM : Sihat walfiat lagi?**

**DIA :** *Dah* [sudah] *paralyze* [lumpuh] *tapi* [tetapi] ada lagi lah dia *tak* [tidak] boleh berjalan *jelah* [sahaja], atas katil *dah* [sudah] beberapa belas tahun *dah* [sudah] *tapi* [tetapi] *okay* [baik] lah masih boleh bercakap, mata elok, kenal orang semua, *takda* [tiada] masalah.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN

NCM : Kira sepanjang pencapaian Dato' dekat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *dulu* [dahulu], pencapaian paling tertinggi sebagai mahasisiwa?

DIA : Dalam akademik ke apa?

NCM : Akademik.

DIA : Ijazah Sarjana Muda *Mass Communication* [komunikasi massa].

NCM : Pernah pegang jawatan apa-apa *tak* [tidak] dalam *course* [kursus] *tu* [itu]?

DIA : Saya bekas Presiden Kesatuan Siswa *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] tahun *tujuh puluh satu* [71]. Yang lawan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] jadi [menjadi] universiti saya lah. Sekarang ini saya Ahli Lembaga Pengarah *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]. Saya *dulu* [dahulu] saya *graduate* [graduan] tahun *tujuh puluh empat* [74] tetapi tahun *tujuh puluh empat* [74] saya *graduate* [graduan] saya dalam kem tahanan *ISA* [Internal Security Act] di Kemunting. Saya kena tahan *dua* [2] tahun *so* [jadi] semester *lima* [5] dan *enam* [6] saya ambil peperiksaan di dalam kem tahanan Kemunting dan saya lulus dapat ijazah. Saya kena tahan salah satunya kerana tunjuk perasaan menuntut *ITM* [Institut Teknologi Mara] jadi universiti tahun *tahun tujuh puluh empat* [74]. *ITM* [Institut Teknologi Mara] kena tutup setahun- sebulan *ITM* [Institut Teknologi Mara] ditutup *seribu lima ratus* [1,500] orang kena tahan beratus masuk hospital *ITM* [Institut Teknologi Mara] tutup sebulan, kecoh lah dimana waktu itu *tiga*

ribu [3,000] pelajar *ITM* [Institut Teknologi Mara] tahun *tujuh- -* [7] *dua puluh dua* [22] April tarikhnya. *Dua puluh dua April tahun tujuh puluh empat* [22. April.74] Kita berarak daripada Kampus Shah Alam datang ke Parlimen. Bertolak pukul *lapan* [8] malam, habis semua *student* [pelajar] *takda* [tiada] tinggal seorang pun. Sampai di Parlimen lebih kurang *tiga* [3] *empat* [4] ratus orang *ja* [sahaja] yang lain terkandas lah pasal polis tahan apa dia kena tembak gas macam-macam lah. *So that was in* [jadi pada masa itu] *nineteen seventy-four* [sembilan belas tujuh puluh empat][1974] suatu peristiwa yang cukup hebat yang kamu semua *tak* [tidak] lahir lagi. *You* [kamu] lahir bila?

NCM : *Sembilan belas sembilan puluh dua* [1992].

DIA : *Sembilan belas Sembilan puluh dua* [1992]? Ini tahun *tujuh puluh empat* [74], berapa tahun beza ini?

NCM : **(Ketawa)** *lapan belas* [18] tahun.

DIA : *Sembilan belas sembilan puluh dua* [1992], beberapa belas tahun baru *you* [kamu] lahir *eighteen years after that* [lapan belas tahun kemudian].

NCM : **Apa yang mendorong Dato' adakan perhimpunan ini?**

DIA : Kita pada waktu itu *dah* [sudah] sudah ada kesedaran, kerana ini tahun kita buat tahun *tujuh puluh empat* [74], berlaku peristiwa *tiga belas Mei tahun enam puluh Sembilan* [13.Mei.69], *lima* [5] tahun selepas peristiwa *tiga belas* [13] Mei dan pada waktu itu kita lihat kemunduran terutamanya dari segi jumlah

bilangan siswazah bumiputera berkurangan. Jadi *bila* [apabila] kerajaan tubuhkan *ITM* [Institut Teknologi Mara] dan *ITM* [Institut Teknologi Mara] pula selepas mula-mula *RIDA* [Rural & Industrial Development Authority] *jadi* [menjadi] *ITM* [Institut Teknologi Mara] nampak dia punya kemajuan itu begitu cepat dan mendadak (Bunyi hon kereta). Jadi kita berpendapat untuk menambahkan bilangan pelajar bumiputera dalam bidang *professional* [pakar] ini maka *ITM* [Institut Teknologi Mara] mesti dinaikkan taraf Universiti. Tetapi pada waktu itu *level* [tahap] *ITM* [Institut Teknologi Mara] nya dikira setakat diploma maknanya tidak universiti lah. Manakala ada setengah-setengah kursus di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] pada waktu *tu* [itu] *ITM* [Institut Teknologi Mara] pada waktu itu memerlukan kelulusan *STPM* [Sijil pelajaran tinggi Malaysia] macam *masscom* [komunikasi massa] saya, kelulusan *nak* [hendak] masuk *masscom* [komunikasi massa] mesti *STPM* [Sijil pelajaran tinggi Malaysia]. Jadi ada beberapa kursus pun sudah sampai ketahap kelayakan masuk *STPM* [Sijil pelajaran tinggi Malaysia]. Jadi sebab itu, kita tuntutan *tu* [itu] *ITM* [Institut Teknologi Mara] menjadi universiti *tapi* [tetapi] kita tidak berjaya. Kita *fight-fight* [lawan-lawan] kita lawan-lawan tulis memorandum desak kerajaan begitu begini, akhir sekali kerajaan mengiktiraf sebahagian daripada diploma *ITM* [Institut Teknologi Mara] ini setaraf dengan ijazah Am tetapi *ITM* [Institut Teknologi Mara] tetap dengan nama *ITM* [Institut Teknologi Mara], macam *advanced diploma* [diploma lanjutan] itu setaraf dengan ijazah Am, *so* [jadi] dia *tak* [tidak] panggil ijazah dia panggil diploma lanjutan *tapi* [tetapi] setaraf dengan ijazah Am. Kalau *dulu* [dahulu] diploma *UiTM* [Universiti

Teknologi Mara], *ITM* [Institut Teknologi Mara] *bila* [apabila] *graduate* [graduan] keluar gaji kalau kerja kerajaan sama dengan *STPM* [Sijil pelajaran tinggi Malaysia] walaupun kelulusan diploma, *so* [jadi] itu yang kita *tak* [tidak] puas hati *tu* [itu]. *So* [jadi] kita perjuangkan apa ini *ITM* [Institut Teknologi Mara] *jadi* [menjadi] universiti cuma kita tidak berjaya pada waktu itu, tinggal saya sebagai yang mengepalai tuntutan ini sebab saya mula-mula jadi Setiausaha Agong Kesatuan Pelajar *ITM* [Institut Teknologi Mara] tahun pertama iaitu semester yang ke *dua* [2]. Masuk semester yang ke *tiga* [3] saya *dah* [sudah] jadi presiden, saya mula menggerakkan tuntutan ini lah sehingga sampai kemuncak tunjuk perasaan *dua puluh dua* [22] April ini, *dua puluh dua* [22] April dekat ini (ketuk meja) *dua* [2] minggu lagi bila ini? Hari ini berapa hari bulan?

**NCM** : Hari ini *enam belas* [16].

**DIA** : *Enam belas* [16]? *Enam* [6] hari lagi kita ada buat majlis tahlil di *ITM* [Institut Teknologi Mara], *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam Masjid Shah Alam. Saya jemput semua yang terlibat masa *empat puluh* [40] tahun *dulu* [dahulu] yang masih hidup lagi *dah* [sudah] pencen *dah* [sudah], *dah* [sudah] tua-tua ada cucu sama kita *nak* [hendak] buat tahlil mengingati rakan-rakan yang meninggal yang terlibat dalam menuntut perjuangan *ITM* [Institut Teknologi Mara]. *So* [jadi] dijangka *empat ratus* [400] orang akan hadir ramai lagi adanya. *Tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] berputus asa *lepas* [selepas] saya keluar tahanan saya masuk politik, saya bertanding pilihan raya di Pasir Mas

jadi Ahli Parlimen tahun *lapan puluh enam* [86], saya jadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO. *So* [jadi] dalam, setiap kali parlimen bersidang, setiap kali mesyuarat apa ini Majlis Tertinggi UMNO saya mesti sebut hal *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] ini, mesti saya desak supaya *ITM* [Institut Teknologi Mara] jadi [menjadi] univervisti. Saya teruslah *tak* [tidak] putus asa tahun ke tahun, tahun ke tahun ringkas ceritanya tahun *tujuh puluh tujuh* [77] saya jadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kemudian saya *nak* [hendak] merealisasikan impian saya *nak* [hendak] tengok *ITM* [Institut Teknologi Mara] jadi [menjadi] universiti, saya *anjur* [mengajurkan] satu perhimpunan siswazah *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] siswazah *ITM* [Institut Teknologi Mara] di Stadium Melawati di Shah Alam. Saya tidak ingat berapa hari bulan, saya jadi pengerusi perhimpunan. Saya himpun dekat *lima belas ribu* [15,000] siswazah *ITM* [Institut Teknologi Mara] datang dan saya jemput *Dr Mahathir* [Mantan Perdana Menteri Malaysia] waktu itu dia Perdana Menteri lagi. Saya berucap saya desak kita bawa sepanduk apa *suma* [semua], perhimpunan itu lah *Dr Mahathir* [Mantan Perdana Menteri Malaysia] isytihar *ITM* [Institut Teknologi Mara] jadi universiti. Di Stadium Melawati, ada dalam sejarah *you* [kamu] buka sejarah *ITM* [Institut Teknologi Mara] ada semua cerita ini. Jadi terlaksana lah *ITM* [Institut Teknologi Mara] sebagai sebuah universiti.

**NCM : Berapa tahun mengambil masa Dato' perjuangkan benda ini?**

**DIA : Daripada *tujuh puluh empat* [74], *Sembilan belas tujuh puluh empat* [1974] kepada tahun *Sembilan belas Sembilan puluh tujuh* [1997] tiga- - [3] *dua puluh***

*tiga tahun* [23] tahun masa. *Tujuh tolak empat sama dengan tiga* [ $7 - 4 = 3$ ] *Sembilan tolak tujuh dua* [ $9 - 7 = 2$ ] *dok* [kan] [sedang membuat kiraan matematik]? *Dua puluh tiga tahun* [23] tahun dan saya terlibat daripada *tujuh puluh empat* [74], sampai lah jadi universiti *dua puluh tiga tahun* [23] tahun saya *tak* [tidak] putus asa sehingga *ITM* [Institut Teknologi Mara] *jadi* [menjadi] universiti.

**NCM** : Adakah Dato' berpuas hati dengan pencapaian *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] sekarang?

**DIA** : Lebih daripada berpuas hati, sebab sejak *ITM* [Institut Teknologi Mara] bermula dengan *RIDA* [Rural & Industrial Development Authority] kemudian *ITM* [Institut Teknologi Mara], kemudian universiti, jumlah graduan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara], *ITM* [Institut Teknologi Mara] dan *RIDA* [Rural & Industrial Development Authority] kalau dicampur semua sekali lah lebih kurang *lima ratus ribu* [500,000] dan setengah *tu* [itu] mungkin *dah* [sudah] meninggal, *tapi* [tetapi] saya rasa *easily lah* [mudah lah] *empat ratus lima puluh ribu* [450,000] *tu* [itu] bekas siswazah *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] dan hari ini *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] sudah ada kampus di setiap negeri, *UiTM* Kelantan, *UiTM* Kedah, Perlis semua sekali Sabah, Sarawak, *Off campus* [di luar kampus] dan sebagainya. Dan hari ini *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] sudah menjadi Universiti maya, Universiti maya ini ertinya Universiti terbesar di Malaysia dari segi jumlah bilangan pelajar. Bilangan pelajar sekarang ini setiap tahun tetapi dari *seratus tujuh puluh ribu* [170,000] tidak silap saya dia

*enam puluh peratus [60%]* lebih lah pelajar diploma yang *balance [baki]* *tu [itu]* *tiga puluh peratus [30%]* pelajar Ijazah dengan Sarjana dan *PHD [Doctor of Philosohy]* lah. Dan kerajaan sudah pun baru ini *Datuk Najib [Perdana Menteri Malaysia]* umum *PM [Perdana Menteri]* di bawah memperkasa ekonomi bumiputera *UiTM [Universiti Teknologi Mara]* akan mengambil pelajar sehingga *dua ratus lima puluh ribu [250,000]* bermula tahun depan sebab itu kampus akan dibesarkan semua sekali. Ini tidak termasuk ada program yang dinamakan Program Destinasi Anak Bangsa. Program Destinasi Anak Bangsa ini pun bermula dengan Yayasan Budiman *UiTM [Universiti Teknologi Mara]* yang saya tubuh dimana Program Destinasi Anak Bangsa ini program Pra diploma. Maknanya pelajar-pelajar yang lepasan *SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]* ada *tiga [3]* kredit *je [sahaja]* cukup *dah [sudah]* (bunyi batuk) *tiga [3]* kredit \_\_ lulus *tiga [3]* subjek ataupun *tiga [3]* kredit itu *je [sahaja]*, dan ia ada program *Business Study [Pengajian Perniagaan]* dengan Pra Akaun, Pra Diploma Perakaunan. So [jadi] *enam [6]* bulan dia belajar lulus masuk buat program diploma lepas diploma baru *degree [ijazah]*, so [jadi] peringkat-peringkat lah so [jadi] kalau *tak [tidak]* wujud pra diploma *dia orang [mereka]* *takda [tidak ada]* peluang masuk *UiTM [Universiti Teknologi Mara]* sebab *dulu [dahulu]* kita percaya masa zaman saya dulu *tujuh puluh –an [70]* kita dari luar Bandar belajar Inggeris pun *tak [tidak]*, pandai *tapi [tetapi]* *mari [datang]* di *ITM [Institut Teknologi Mara]* masa *tu [itu]* *instructionnya [arahannya]* *English [Inggeris]* belajar apa ini *lecture [syarahan]* ikut *English [Inggeris]* *tapi [tetapi]* kita boleh lepas dan kita banyak lulus dengan cemerlang. Jadi pelajar-pelajar dari luar



Bandar yang sekolah luar Bandar masuk *ITM* [Institut Teknologi Mara] *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] gred *tiga* [3], *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] gred *dua* [2] pun *tak* [tidak] berapa cantik *tapi* [tetapi] bila dapat diploma di *ITM* [Institut Teknologi Mara] melanjut pelajaran ke United Kingdom ke Amerika ke mana-mana lah *dia orang* [mereka] *score* [target] sampai *first class degree* [Ijazah kelas pertama], banyak terutamanya dalam bidang *engeenering* [kejuruteraan], ijazah kelas pertama semua banyak lah yang berjayanya. Dan kalau kita tengok hari ini dalam macam-macam sektor terutama sektor swasta kalau bank pergi ke mana bank seluruh Malaysia ini yang kakitangan bank *tu* [itu] kalau peringkat pegawai *sembilan puluh peratus* [90%] *tu* [itu] bekas graduan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] di bank-bank semua CIMB bank ke, Hong Leong Bank ke semua *tu* [itu] bekas pelajar *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]. Dan kalau tengok golongan professional kejuruteraan dalam kerajaan *JKR* [jabatan kerajaan] apa semua *tu* [itu], semuanya kebanyakan pelajar *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]. Jadi kalau *tak* [tidak] ada *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *tak* [tidak] adalah pelajar-pelajar Melayu dalam sektor yang saya sebutkan tadi.

**NCM : Kalau *tak* [tidak] mesti dimonopoli oleh Cina, India. *So* [jadi] saya sebagai *student* [pelajar] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] bangga dengan perjuangan Dato' dan banyak perubahan yang dekat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] buat sekarang ini. *Mostly* [kebanyakannya] dekat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *takda* [tidak ada] pelajar Cina India *so* [jadi] persaingan *tu* [itu] antara Melayu dengan Melayu *je* [sahaja] lah. *So* [jadi],**

ada pernah *dulu* [dahulu] ada peristiwa yang *nak* [hendak] *dua puluh percent* [20%] ke Cina *nak* [hendak] masuk *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]?

DIA : Ada *dia orang* [mereka] cadang *tapi* [tetapi] kerajaan tidak setuju, *kita orang* [kami] pun tidak setuju sebab isu kononnya kalau kita benarkan bukan pribumi masuk atas dasar persaingan itu bukan asasnya. Sebab persaingan boleh berlaku sesama bangsa tidak semesti dengan bangsa lain. Dan kita tengok lain-lain institusi pun sekarang ini yang pelajar bumiputera pun kurang macam untuk kaum Cina dia ada Universiti Tunku Abdul Rahman dia ada Kolej Tunku Abdul Rahman sama dengan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] berapa kerat pelajar Melayu *tak ada* [tiada] juga pun, *lepastu* [selepas itu] *IPTS* [Institusi Pengajian Tinggi Swasta] pun dikatakan semua pelajar bukan bumiputera yang ramai *you* [kamu] tengok yang kelulusan itu. Jadi kalau sini pun dia boleh masuk jadi *tak* [tidak] seimbang sebab itu kita berpendapat *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] kekal dengan identiti asal iaitu untuk bumiputera bukan untuk Melayu bumiputera ini termasuk Sabah dan Sarawak. Maknanya tidak semestinya dia Islam lah, dia Kadazan ke Bidayuh ke asalkan dia bumiputera dia layak masuk *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] termasuklah orang Siam Kedah pun boleh masuk *UiTM* [Universiti Teknologi Mara].

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: KERJAYA

**NCM** : Untuk bahagian kerjaya, apakah pekerjaan hakiki Dato'?

**DIA** : Saya *dulu* [dahulu] lepas keluar tahanan *dulu* [dahulu], saya *tak* [tidak] bekerja dengan kerajaan saya *tak* [tidak] minat walaupun saya ditawarkan jawatan oleh pihak-pihak tertentu dan jawatan pun kira hebat-hebat juga tetapi saya tolak. Saya menubuhkan sekolah swasta mini *ITM* [Institut Teknologi Mara] masa *tu* [itu] dasar pendidikan belum tidak mengizinkan saya *dah* [sudah] buat tanpa lesen lah. *So* [jadi], saya kursus macam *ITM* [Institut Teknologi Mara] nama dia Kuala Lumpur Politeknik *tapi* [tetapi] tidak bertahan lama sebab kos tinggi. Dan saya tidak pernah kerja dengan kerajaan, kemudian saya pernah jadi guru sekejap di Sekolah Yayasan Anda sekolah Anuar Ibrahim\_ belajar sekolah akademik lah *form lima form enam* [tingkatan 5 tingkatan 6] kemudian saya buka sekolah sendiri Kuala Lumpur Politeknik *lepastu* [selepas itu] di Kelantan saya tubuh sekolah nama Kota Bharu Polisains. Bertahan lebih kurang 10 tahun *jelah* [sahaja] rugi *so* [jadi] pelajar-pelajar *tak* [tidak] banyak, *tak* [tidak] bayar yuran *so* [jadi] saya tidak boleh tanggung cari duit melalui sumber yang lain untuk tanggung sekolah saya *tak* [tidak] larat *so* [jadi] saya berhenti. Kemudian dalam pada itu, saya masuk politik dan saya pun berakhir dengan *karier* [kerjaya] politik lah. *So* [jadi] sekarang ini baru ini bertanding pilihan raya kalah *so* [jadi] saya *tak* [tidak] buat apa, saya terlibat dalam *NGO* [badan bukan kerajaan] lah saya memimpin *PERKASA* [Pertubuhan Pribumi Perkasa Negara].

NCM : Sebagai presiden *PERKASA* [Pertubuhan Pribumi Perkasa Negara]?

DIA : Ya, sebagai presiden.

NCM : Tahun berapa Dato' mula menjadi Ahli Parlimen?

DIA : *Lapan puluh enam* [86].

NCM : Berapa lama Dato' jadi Ahli Parlimen?

DIA : Saya Ahli Parlimen atas nama Barisan Nasional *UMNO* [United Malays National Organisation] *lapan puluh enam* [1986][merujuk kepada tahun] sepenggal, *Sembilan puluh* [1990] saya bertanding lagi dan saya menang lagi sebagai ahli parlimen tapi atas tiket *empat puluh enam* [46], *Sembilan puluh lima* [1995] saya balik semula ke *UMNO* [United Malays National Organisation] saya bertanding atas Barisan saya kalah tetapi setahun selepas itu *Dr Mahathir* [mantan Perdana Menteri Malaysia] lantik saya sebagai Ahli Dewan Negara tahun *sembilan puluh lima* [1995]. Sehinggalah *sembilan puluh tujuh* [1997] saya dilantik sebagai- - - *sembilan puluh lima*- - - [95] *Sembilan puluh dua* [92] saya dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar. *Sembilan puluh* [90] saya bertanding atas *empat puluh enam* [46] menang kali yang kedua, *Sembilan belas Sembilan puluh dua* [1992] saya masuk *UMNO* [United Malays National Organisation] balik *Dr Mahathir* [Mantan Perdana Menteri Malaysia] lantik saya *jadi* [menjadi] Setiausaha Parlimen. Kemudian *Sembilan puluh lima* [95] pilihan raya saya kalah tapi dia lantik saya jadi Senator Ahli Dewan Negara (bunyi telefon), dan *dua* [2] tahun

